

Isteri balun suami

Metro 24/5/12 MSC'

Wanita berang disoal belanja harian hentak kepala pasangan dengan botol

>>Oleh Rabi 'Atul 'Adawiyah Ismail

rabiatul@hmetro.com.my

KUCHING: Hanya kerana mempersoalkan cara isteri menguruskan wang perbelanjaan harian, seorang suami menerima nasib malang apabila kepalanya dihentak dengan botol oleh wanita itu yang berang, menyebabkan tempurung kepala mangsa retak dalam kejadian di rumah mereka di Jalan Matang, di sini, kelmarin.

Sebelum kejadian pada jam 11 malam, mangsa yang berusia 32 tahun dikatakan berbulu dengan isterinya yang berusia 20-an di rumah, sebelum timbul isu wang perbelanjaan harian mereka, menyebabkan wanita itu mula naik angin.

Menurut sumber, berasakan suaminya tidak dipercayainya lagi, wanita itu tiba-tiba berang dan berge-



CEDERA
...mangsa mengalami keretakan pada tempurung kepala selepas isteri menghentak menggunakan botol.

gas ke dapur sebelum keluar semula ke ruang tamu sambil memegang botol.

"Tanpa diduga, dia menghentak belakang kepala suaminya dengan botol itu menyebabkan tempurung kepala mangsa retak serta darah banyak keluar.

"Bukan itu saja, isteri muda itu dikatakan hanya melihat

suaminya meraung, sebelum seorang jiran yang menyedari jeritan itu datang ke rumah mangsa bagi memberikan bantuan," katanya.

Menurutnya, jiran mangsa membawanya ke Hospital Umum Sarawak (HUS), di sini dan hasil pemeriksaan, mangsa disahkan mengalami keretakan pada tempu-

rung kepala akibat hentakan kuat.

"Mangsa diarahkan menjalani rawatan susulan di HUS dan keadaannya dilaporkan stabil," katanya.

Sementara itu, jurucakap polis ketika dihubungi mengesahkan menerima berita kejadian itu, tetapi belum menerima laporan.